

10

**SOALAN NO: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
                          ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]  
**TARIKH :** 28 MAC 2018  
**SOALAN :** 16

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kewujudan produk yang merbahaya atau berisiko kepada bayi dan kanak-kanak dalam pasaran di negara ini seperti susu dan lampin pakai buang tiruan serta suplemen.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam kes barang-barang tiruan.

Barang tiruan seperti susu rumusan bayi tiruan yang dirampas oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) adalah berkaitan dengan cap dagangan tiruan, di mana iaanya di bawah bidang kuasa KPDKKK melalui Akta Perihal Dagangan 2011.

Seperti yang sedia maklum, produk yang berasaskan makanan seperti susu rumusan bayi adalah tertakluk kepada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Suplemen kesihatan pula adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Bagi mempastikan makanan seperti susu rumusan bayi adalah selamat, pemantauan sentiasa dilakukan oleh KKM ke atas produk yang dijual di pasaran. Pada tahun 2013 hingga 2017, sejumlah 576 sampel susu rumusan bayi pelbagai jenama yang dijual di pasaran telah dianalisa untuk bakteria patogenik. Hasil analisa menunjukkan kesemua sampel mematuhi Akta Makanan 1983.

Bagi mengekang penjualan produk suplemen kesihatan yang berbahaya dan memperdaya pengguna, KKM melakukan pemantauan melalui saringan di pintu masuk negara dan aktiviti persampelan produk dalam pasaran. Tindakan penguatkuasaan seperti pemeriksaan dan serbuan turut diambil ke atas syarikat atau individu yang didapati memiliki/ menjual/ mengimport/ mengilang produk suplemen yang tidak berdaftar terutamanya premis di lokasi hot-spot yang telah dikenal pasti di seluruh negara. Melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ini, produk suplemen bernilai RM41.0 juta yang tidak berdaftar telah dirampas di sepanjang tahun 2015 hingga 2017.

Untuk makluman YB Pasir Mas, semua iklan suplemen kesihatan yang berdaftar dengan KKM juga perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Iklan Ubat bagi memastikan maklumat dalam iklan adalah tepat dan tidak mengelirukan pengguna. Bagi produk makanan, tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas iklan dan label produk makanan

16

yang mempunyai akuan yang tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 21,418 iklan suplemen kesihatan telah disaring di dalam pelbagai media samada media tradisional dan juga dalam talian (*online*). Sebanyak 260 surat amaran telah dikeluarkan kepada pengiklan dan 60 kertas siasatan telah dibuka bagi iklan yang melanggar Akta berkenaan. Pada tahun 2017 juga, sejumlah 128 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas iklan dan label produk makanan yang mempunyai akuan yang tidak dibenarkan.